



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh :

20 hb. Disember 2018

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJK
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG PINDAAN PRINSIP PEMBIAYAAN
KEWANGAN KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (KPDRM)
DARI PRINSIP BAI ‘INAH KEPADA AT-TAWARRUQ**

1. LATARBELAKANG

1.1 Selaras dengan perkembangan semasa serta saranan Bank Negara Malaysia (BNM), prinsip pembiayaan kewangan Islam Malaysia yang sebelum ini menggunakan prinsip pembiayaan Bai ‘Inah telah beralih kepada prinsip At-Tawarruq. Prinsip At-Tawarruq merupakan prinsip pembiayaan yang lebih menepati keperluan dan kehendak syariah semasa.

2. TUJUAN

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 27/11/2018 telah bersetuju menukar prinsip pembiayaan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad daripada prinsip Bai ‘Inah kepada prinsip At-Tawarruq.

3. PERUBAHAN DAN PINDAAN KESAN DARI PERALIHAN KEPADA PRINSIP AT-TAWARRUQ

3.1 Walaupun demikian, tiada berlaku sebarang perubahan ke atas mana-mana Aturan Pinjaman KPDRM akibat dari peralihan prinsip pembiayaan KPDRM dari Bai ‘Inah kepada At-Tawarruq.

3.2 Perubahan yang berlaku hanyalah pada Borang permohonan pembiayaan KPDRM yang mana borang permohonan pembiayaan berlandaskan prinsip At-Tawarruq adalah sepertimana disertakan sebagai lampiran bersama pekeliling ini. Borang tersebut boleh juga didapati di laman sesawang KPDRM.

3.3 Sehubungan dengan itu semua borang permohonan pembiayaan yang dikeluarkan terdahulu yang berlandaskan prinsip pembiayaan Bai 'Inah tidak boleh digunakan selepas dari tarikh kuatkuasa pekeliling ini.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan ketetapan di para (3) adalah berkuatkuasa mulai 01 Januari 2019.

5. PENUTUP

5.1 Kerjasama Tuan / Puan adalah dipohon supaya dapat memanjangkan perkara ini kepada semua anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
SETIAUSAHA